

PENYELARASAN SEMULA KADAR TOL DI PLAZA TOL TANJUNG KUPANG MULAI 1 MAC 2023

Johor Bahru, 25 Februari 2023:- Pada 2018, sebagai langkah menggalakkan orang ramai beralih ke Plaza Tol Tanjung Kupang untuk keluar dan masuk ke Singapura, kadar tol waktu luar puncak telah diperkenalkan kepada pengguna lebuhraya di Plaza Tol Tanjung Kupang. Namun begitu, walaupun sudah melebihi 5 tahun pelaksanaan, langkah tersebut kurang mendapat sambutan dan berdasarkan rekod, jumlah trafik harian yang menggunakan Plaza Tol Tanjung Kupang didapati masih sama sepertimana dicatatkan sebelum kadar waktu luar puncak tersebut ditawarkan. Tiada sebarang peningkatan trafik ketara di waktu luar puncak bagi Plaza Tol Tanjung Kupang.






Data trafik juga menunjukkan lebih daripada 50% daripada kenderaan yang menikmati kadar tol waktu luar puncak di Plaza Tol Tanjung Kupang merupakan kenderaan bernombor pendaftaran Singapura.

Justeru itu, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa mulai 1 Mac 2023, kadar tol waktu luar puncak di Plaza Tol Tanjung Kupang akan diselaraskan kepada kadar biasa. Dengan penyelarasan ini, pengguna semua jenis kenderaan yang melalui Plaza Tol Tanjung Kupang di lebuhraya Linkedua akan membayar tol dengan kadar biasa sepertimana kadar yang dicajkan pada waktu puncak pada ketika ini.

Pada masa yang sama, PLUS menasihatkan pengguna yang melalui Plaza Tol Tanjung Kupang supaya memastikan mereka mempunyai baki kad Touch 'n Go dan RFID yang mencukupi bagi mengelakkan kesulitan di lorong tol.

-TAMAT-

**Kadar Tol di Plaza Tol Tanjung Kupang Mulai 1 Mac 2023 Setelah Ia Diselaraskan
Kepada Kadar Biasa**

Kelas	Jenis Kenderaan	Kadar Tol Biasa dengan Penamatan Kadar Tol Waktu Luar Puncak Mulai 1 Mac 2023. Kadar ini merupakan kadar biasa yang ditawarkan pada waktu puncak ketika ini (RM)
1		6.14
2		17.10
3		34.30
4		4.67
5		7.45

Nota:

- Mulai 1 Mac 2023, tiada lagi kadar tol waktu Luar Puncak ditawarkan. Sebaliknya, kadar tol diselaraskan kepada kadar biasa, iaitu kadar Waktu Puncak yang dilaksanakan ketika ini.